



## SIJIL TAKAFUL AMAL JARIAH

<b>Kandungan</b>		<b>Muka Surat</b>
Bahagian 1	Takrif-Takrif dan Tafsiran-Tafsiran	2
Bahagian 2	Terma-Terma dan Syarat-Syarat	6
Bahagian 3	Kelayakan	11
Bahagian 4	Perlindungan	12
Bahagian 5	Pengecualian-Pengecualian	13
Bahagian 6	Tuntutan-Tuntutan	14

**SIJIL TAKAFUL AMAL JARIAH**

BAHAWASANYA pemegang sijil (selepas ini disebut sebagai **Peserta**) sebagaimana dinamakan di dalam Jadual yang dilampirkan (selepas ini disebut sebagai **Jadual**) oleh Isytiharan Cadangan bertulis yang akan menjadi asas kepada perjanjian dan disifatkan sebagai diperbadankan dalam Sijil ini telah memohon kepada Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd (selepas ini disebut sebagai **Syarikat**) untuk menyertai dalam takaful ini dan mengambil pertimbangan daripadanya, telah membayar sumbangan takaful kepada Syarikat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual, selaras dengan Undang-Undang Brunei Darussalam.

SIJIL INI SEKARANG MENYAKSIKAN bahawa jika ansuran caruman takaful yang dinyatakan di dalam Jadual telah dibayar kepada Syarikat, Syarikat adalah dengan bukti yang memuaskan bagi Syarikat di atas:

- i. berlakunya kejadian di mana manfaat takaful akan kena dibayar;
- ii. hak seseorang atau orang yang menuntut pembayaran; dan
- iii. tarikh lahir Peserta (sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual) jika tarikh lahir itu belum disahkan sebelum ini.

membayar suatu jumlah manfaat takaful (beserta apa-apa keuntungan yang harus dibayar). Dengan ini adalah diperakukan Jadual dan tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang termaktub dalam Sijil atau diendoskan ke atasnya (selepas ini secara rangkuman disebut sebagai Terma-Terma Sijil ini) harus dianggap sebahagian daripada Sijil

**BAHAGIAN 1 :TAKRIF-TAKRIF DAN TAFSIRAN-TAFSIRAN****TAKRIF-TAKRIF:**

Kecuali sebaliknya dikehendaki oleh konteks, takrif-takrif berikut akan digunakan: -

**Kemalangan**

Bermakna kecederaan tubuh badan yang hanya disebabkan oleh kekerasan, kemalangan, faktor luaran dan nampak kelihatan dan bukan disebabkan oleh satu-satu sakit, penyakit atau keadaan fizikal dan mental yang merosot.

**Perkataan Sijil**

Bermakna keseluruhan Sijil yang merangkumi perjanjian asas, cadangan, kenyataan peribadi dan setiap kenyataan yang dibuat oleh Peserta dan semua Perjanjian-Perjanjian Tambahan dan endosmen-endosmen yang terdapat di dalam Jadual atau diendoskan kemudiannya dan semua pindaan-pindaan bertulis yang dibuat oleh Syarikat.

**Tarikh Kuatkuasa**

Bermakna tarikh mula penyertaan atau pembaharuan perlindungan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual atau Endosmen.

## Sijil Takaful Amal Jariah

---

### **Sumbangan**

Bermakna jumlah wang ansuran caruman takaful yang telah diluluskan oleh Syarikat untuk sumbangan Peserta di dalam Pelan Takaful.

### **Tarikh Matang**

Bermakna tarikh ketika Sijil tamat.

### **Hospital**

Bermakna mana-mana institusi yang beroperasi secara sah di sisi undang-undang, menyediakan khidmat kejururawatan oleh jururawat yang berdaftar dua puluh empat (24) jam sehari, mempunyai seorang atau lebih doktor perubatan sepanjang masa dan menyediakan kemudahan untuk diagnosa dan pembedahan besar, dan bukan semata-mata merupakan sebuah klinik, pusat penempatan penagih arak atau dadah, rumah penjagaan kejururawatan bagi pemulihan atau rumah orang-orang tua atau yang seumpamanya.

### **Penyakit**

Bermakna penyakit yang dihidapi dan / atau bermula selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh berkuatkuasa atau tarikh endosmen, mana-mana yang terkemudian.

### **Kecederaan**

Bermakna kecederaan tubuh badan yang disebabkan secara langsung oleh kemalangan yang tidak disengajakan dan bebas daripada sebab-sebab lain, yang mana, kecuali bagi kejadian lemas atau kecederaan dalaman yang dimaklumkan oleh bedahsiasat, terdapat bukti yang dapat dilihat sama ada lebam atau luka pada anggota luar.

### **Peserta**

Bermakna Pemilik dan Penyumbang yang menyertai pelan takaful ini.

### **Akaun Peserta (AP) atau Dana Pelaburan Peserta (DPP)**

Bermakna akaun atau dana yang mana sebahagian daripada Sumbangan Peserta itu akan dikreditkan untuk simpanan dan pelaburan.

### **Akaun Khas Peserta (AKP) atau Dana Risiko Peserta (DRP)**

Bermakna akaun atau dana yang mana Sumbangan Peserta itu akan dikreditkan untuk risiko sahaja.

### **Tempoh Takaful**

Bermakna tempoh takaful sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual, termasuk juga apa-apa pelanjutan jangka waktu perlindungan yang mungkin diberikan di atas budi bicara pihak Syarikat.

### **Orang yang Dilindungi**

Bermakna seperti yang ditakrifkan di bawah Bahagian 3: Kelayakan.

### **Doktor**

Bermakna seorang yang mempunyai kelayakan dan berdaftar sebagai pengamal perubatan yang berlesen di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan dan bekerja di dalam ruanglingkup lesen dan latihannya sahaja. Doktor yang merawat hendaklah bukan majikan, pekerja, ejen Peserta atau rakan perniagaan Peserta, atau orang yang mempunyai pertalian persaudaraan dengan Peserta dari segenap segi.

## Sijil Takaful Amal Jariah

---

### **Keadaan-Keadaan Sedia Ada**

Bermakna kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala:

- a) yang mana rawatan atau perubatan atau nasihat atau diagnosa penyakit telah dilakukan atau diterima atau dijangka sebelum Sijil berkuatkuasa bagi Orang yang Dilindungi berkenaan, atau
- b) yang mana berasal dari atau Orang yang Dilindungi itu tahu akan kewujudannya (atau sesiapa sahaja yang dilindungi di bawah Sijil) sebelum daripada Sijil berkuatkuasa sama ada atau tidak rawatan atau perubatan atau nasihat atau diagnosa penyakit telah dilakukan atau diterima.

### **Jadual**

Bermakna Jadual Sijil ini dan maklumat yang mengandungi butiran Peserta, Manfaat Asas dan Tambahan jika ada, Sumbangan, dan Tempoh Takaful.

### **Jumlah Perlindungan**

Bermakna jumlah maksima manfaat yang dibayar oleh Syarikat.

### **Tabarru'**

Bermakna satu komitmen oleh semua Peserta takaful untuk menderma di dalam satu dana atau satu kumpulan wang bagi tujuan sama-sama menanggung risiko kerugian.

### **Tempoh Menunggu**

Bermakna tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh berkuatkuasa / endosmen. Tiada manfaat disebabkan oleh penyakit yang berlaku semasa tempoh tersebut akan dibayar.

### **Penerima Waqaf**

Bermakna pertubuhan atau pertubuhan-pertubuhan yang dinamakan oleh Peserta pada borang Penerima Waqaf kecuali diubah kemudiannya sebagaimana ditetapkan dalam Fasal Penukaran Penerima Waqaf.

## Sijil Takaful Amal Jariah

---

### TAFSIRAN-TAFSIRAN

1. Kecuali apabila konteksnya memberi erti berbeza, setiap rujukan Sijil ini untuk jantina lelaki juga memberi erti untuk jantina perempuan, jantina berkecuali dan sebaliknya.
2. Tajuk-tajuk adalah untuk memudahkan rujukan sahaja dan ia tidak menjejaskan pembinaan dan tafsiran Sijil ini.
3. Perkataan-perkataan yang menunjukkan kepada bentuk satu adalah merangkumi juga bentuk jamak dan sebaliknya.
4. Rujukan kepada individu merangkumi juga koperasi-koperasi, syarikat-syarikat, firma-firma, perkongsian, badan-badan korporat, badan-badan bukan korporat atau mana-mana agensi atau badan negara atau kerajaan.
5. Di mana ada dua (2) orang atau lebih terangkum di dalam apa-apa istilah yang digunakan di sini, semua persetujuan-persetujuan, terma-terma, ketetapan-ketetapan, peraturan-peraturan, ketentuan-ketentuan dan jaminan-jaminan yang terkandung di sini dianggap dibuat oleh dan mengikat orang-orang tersebut secara bersama.
6. Rujukan-rujukan kepada Fasal-Fasal dan Jadual-Jadual kecuali dinyatakan sebaliknya harus ditafsirkan sebagai rujukan kepada Fasal-Fasal dan Jadual-Jadual Sijil ini.
7. Kecuali apabila konteksnya mengkehendaki sebaliknya, atau dinyatakan secara nyata, setiap rujukan kepada mana-mana “undang-undang, penggubalan (undang-undang), statut atau peraturan-peraturan”, ianya bererti, “undang-undang, penggubalan, statut atau peraturan-peraturan” Brunei Darussalam yang berkuatkuasa kini dan termasuk juga undang-undang awam (*common law*) atau adat, mana-mana undang-undang perlembagaan, perintah, penghakiman, penggubalan, perintah, ordinan, peraturan, statut, perjanjian atau ukuran perundangan yang lain, atau perintah masakini atau masa hadapan, keperluan kepada peraturan-peraturan, keperluan (dalam setiap kes, sama ada wujud penguatkuasaan undang-undang atau tidak tetapi jika tiada penguatkuasaan undang-undang, kesesuaian dengan amalan perseorangan kepada orang yang ditujukan perintah-perintah, peraturan-peraturan, permintaan arahan, atau syarat-syarat tersebut).
8. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, semua rujukan kepada sebuah waktu dalam hari adalah dirujuk kepada waktu Brunei.
9. Semua rujukan kepada penggubalan (undang-undang), statut-statut dan peraturan-peraturan merangkumi juga semua pindaan-pindaan dan penggantian-penggantian yang mungkin dikuatkuasakan dari masa ke semasa.
10. Jadual ini merupakan bahagian yang tidak terpisah daripada Sijil ini dan harus diambil, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang perlu dalam Sijil ini.
11. Setiap kebebasan, kuasa, hak, pilihan atau budi bicara yang boleh dilaksanakan atau penentuan yang mungkin dibuat oleh Syarikat dapat dilaksanakan, atau dibuat dengan budi bicara Syarikat secara mutlak dan Syarikat tidak mempunyai tanggungjawab untuk memberi apa-apa alasan sekalipun.

**BAHAGIAN 2: TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT****1. TEMPOH BERTENANG**

Jika Peserta mendapati bahawa Sijil tidak memenuhi kehendaknya, Peserta bolehlah mengembalikan Sijil dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bermulanya Sijil. Dalam keadaan sedemikian, dengan syarat tiada tuntutan dibuat sepanjang tempoh Sijil berjalan, Peserta berhak bagi pengembalian penuh sumbangan yang telah dibayar tanpa keuntungan ditolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh syarikat bagi mempertimbangkan permohonannya.

**2. PERJANJIAN**

Sijil ini, Jadual dan mana-mana endosmen kepada Sijil atau Jadual hendaklah dibaca bersama, dan mana-mana perkataan atau ungkapan di mana makna yang khas telah diberikan di mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadual adalah mempunyai makna yang sama di mana-mana ianya terdapat.

**3. PRASYPARAT KEPADA TANGGUNGAN**

Pematuhan dan pelaksanaan kepada terma-terma, peraturan-peraturan dan endosmen-endosmen Sijil ini setakat mana yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Peserta dan kebenaran penyataan-penyataan dan jawapan-jawapan di dalam Borang Cadangan dan Akuan hendaklah merupakan prasyarat kepada apa-apa tanggungan Syarikat bagi membuat apa-apa bayaran di bawah Sijil ini.

Sebagai tambahan Orang yang Dilindungi mestilah memberi kerjasama sepenuhnya kepada Syarikat dan juga penasihat-penasihat perubatan Syarikat dan akan memberikan semua butiran dan hal-hal yang diketahui atau patut diketahui oleh Orang yang Dilindungi dengan sepenuhnya dan sejujurnya, dan akan jika dipinta melaksanakan mana-mana dokumen untuk memberi kuasa kepada Syarikat untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan, atas perbelanjaan Orang yang Dilindungi, dari mana-mana Doktor atau Hospital atau dari sumber yang lain.

**4. FAKTA TIDAK DIDEBAHKAN**

Jika terbukti adanya salah penakrifan atau fakta yang tidak didedahkan, Sijil ini akan hilang sahlaku dan Syarikat tidak akan bertanggung jawab untuk membayar manfaat takaful.

**5. BUKTI UMUR**

Syarikat berhak pada bila-bila masa meminta umur mana-mana Orang yang Dilindungi di bawah Sijil ini yang mana ianya hendaklah dibuktikan memuaskan.

Bukti umur Orang yang Dilindungi yang memuaskan Syarikat adalah dikehendaki sebelum apa-apa manfaat baginya dibayar di bawah Sijil ini.

## Sijil Takaful Amal Jariah

---

### **6. PERUBAHAN PADA SIJIL**

Sijil ini, boleh pada bila-bila masa, dipinda dan diubah, melalui permintaan secara bertulis oleh Peserta dan dipersetujui oleh Syarikat, tetapi apa-apa pindaan adalah tanpa prasangka kepada mana-mana tuntutan yang timbul sebelum tarikh perubahan tersebut dan tertakluk kepada syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan oleh Syarikat.

Tiada pindaan Sijil ini akan dikira sah kecuali dibuktikan melalui endosmen yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Syarikat.

### **7. TIADA PENYERAHAN HAK**

Manfaat di bawah Sijil ini tidak boleh diserahkan hak.

### **8. KEADAAN-KEADAAN KESIHATAN YANG SEDIA WUJUD**

Tiada Manfaat yang kena dibayar di bawah Sijil ini bagi perlindungan Peserta atau mana-mana Orang yang Dilindungi akibat daripada penyakit atau kecederaan yang berlaku sebelum berkuatkuasa Sijil ini kecuali keadaan tersebut telah pun diisytiharkan semasa cadangan dan tidak dikecualikan di dalam Sijil ini.

### **9. SALAH MELAPORKAN UMUR**

Sekiranya, pada umur betul, Peserta adalah sepatutnya tidak layak bagi perlindungan di bawah Sijil ini, tiada manfaat yang kena dibayar.

### **10. PERTUKARAN PENERIMA WAQAF**

Peserta boleh, dengan notis bertulis kepada Syarikat, membatalkan perlantikan Penerima Waqaf yang telah dinamakan, dan melantik Penerima Waqaf atau Penerima-Penerima Waqaf lain dengan atau tanpa hak menolak atau pelantikan baru, dan dalam hal demikian perubahan akan dianggap berkuatkuasa daripada tarikh notis diterima oleh Syarikat.

### **11. PEMBAYARAN ANSURAN TAKAFUL**

Ansuran caruman takaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual, yang kena dibayar oleh peserta akan dibahagi dan dikreditkan ke dalam Akaun-Akaun berikut:

- (i) Peratus daripada caruman takaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual akan dikreditkan ke dalam Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta di dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga untuk simpanan dan pelaburan. Tiada manfaat takaful akan dibayar daripada Akaun ini;
- (ii) Peratus daripada caruman takaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual akan dikreditkan ke dalam Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta di dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga untuk risiko sahaja. Peserta adalah bersetuju menyumbangkan bahagian caruman takaful ini dan keuntungannya untuk dikreditkan ke dalam Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta sebagai tabarru' bagi tujuan perpaduan dan persaudaraan di antara Peserta-Peserta

## Sijil Takaful Amal Jariah

---

tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang dinyatakan dalam Sijil. Manfaat Takaful akan dibayar daripada Akaun ini.

### 12. PELABURAN CARUMAN TAKAFUL

#### (i) Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta dan Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta

Syarikat akan melaburkan caruman takaful yang dibayar oleh Peserta ke dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga mengikut hukum Syariah. Apa-apa keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan bagi setiap bulan akan dibahagikan mengikut prinsip Al-Mudharabah berdasarkan nisbah berikut:-

- a. 70% akan dikreditkan ke dalam Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta dan Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta mengikut nisbah jumlah wang di dalam Akaun-Akaun tersebut; dan
- b. 30% akan diterima oleh Syarikat.

### 13. PRINSIP TABARRU', AL-MUDHARABAH DAN PEMBAHAGIAN LEBIHAN BERSIH KEUNTUNGAN

#### i. Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta

##### Al-Mudharabah

Peserta dengan ini bersetuju bahawasanya peratus daripada caruman Takaful seperti di nyatakan dalam Jadual dikreditkan ke Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta sebagai simpanan bagi tujuan Syarikat mentadbir, menguruskan dan melaburkannya mengikut cara-cara yang difikirkan sesuai oleh Syarikat serta menepati prinsip Syariah. Di atas pertimbangan ini, Peserta berhak menerima keuntungan daripada pelaburan ansuran caruman, jika ada, dengan nisbah 70% kepada Peserta dan 30% kepada Syarikat.

#### ii. Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta

##### Tabarru'

Peserta dengan ini mengamanahkan kepada Syarikat bahawasanya peratus daripada sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual akan didermakan ke dalam Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta di dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga secara *Tabarru'* bagi tujuan membantu peserta-peserta yang layak di dalam Sijil Takaful. Mana-mana keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan tabarru' di dalam satu-satu bulan akan dikreditkan semula ke dalam Kumpulan Wang tersebut.

##### Al-Mudharabah

Peserta dengan ini bersetuju bahawasanya bahagian tabarru' daripada caruman Takaful dikreditkan ke Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta sebagai bahagian risiko bagi membantu peserta-peserta yang layak di dalam Sijil Takaful di mana Syarikat juga mentadbir, menguruskan dan melaburkannya mengikut cara-cara yang difikirkan sesuai oleh Syarikat serta menepati prinsip Syariah. Di atas pertimbangan ini, Peserta berhak menerima keuntungan daripada pelaburan ansuran caruman, jika ada, dengan nisbah 70% kepada Peserta dan 30% kepada Syarikat.



## Sijil Takaful Amal Jariah

---

### **Pembahagian Lebihan Bersih Keuntungan**

Peserta juga memahami bahawa lebihan bersih keuntungan yang terhasil daripada Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta di dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga seperti yang dinyatakan dalam penilaian terakhir oleh Syarikat, hanya akan diberikan kepada sijil – sijil yang matang.

### **14. TEMPOH MENJELASKAN BAYARAN**

- (i) Bayaran ansuran caruman takaful secara tahunan, setengah tahunan atau suku tahunan akan diberi tempoh untuk dijelaskan selama tiga puluh (30) hari, dan tempoh untuk menjelaskan bayaran ansuran caruman takaful secara bulanan ialah lima belas (15) hari. Resit akan dikeluarkan oleh Syarikat bagi bayaran tersebut. Sekiranya Peserta meninggal di dalam tempoh menjelaskan bayaran tersebut, maka ansuran caruman takaful yang belum dijelaskan itu akan ditolak daripada manfaat takaful.
- (ii) Jika ansuran caruman takaful tidak dibayar dalam tempoh menjelaskan bayaran, Peserta adalah disifatkan sebagai telah menyerahkan Sijil.

### **15. PENYERAHAN SIJIL**

Dalam keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan, Peserta yang menyerahkan Sijil sama ada melalui penguatkuasaan Fasal 14 (ii) di atas atau atas pilihannya sendiri, harus bersetuju untuk melepaskan semua baki wang di dalam Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta dan Kumpulan Wang Takaful Keluarga Berkelompok/Dana Risiko Peserta Takaful Keluarga Berkelompoknya sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 11(ii) di atas.

Manfaat Serahan akan dibayar kepada Penerima Waqaf.

### **16. BAYARAN PERKHIDMATAN**

Jika sekiranya Sijil ini diendoskan atau diserahkan, Syarikat akan mengenakan bayaran BND30.00 untuk setiap Sijil. Tiada bayaran perkhidmatan dikenakan bagi Sijil Peserta yang diserahkan dalam tempoh bertenang. Syarikat berhak dengan budi bicara mutlaknya untuk menyemak bayaran perkhidmatan pada bila-bila masa dan akan melakukan usaha yang munasabah untuk memaklumkan kepada Peserta mengenai semakan tersebut.

### **17. PEMBAYARAN SEMASA SIJIL MATANG**

Apabila Sijil ini matang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, Penerima Waqaf akan menerima semua baki daripada Akaun Peserta/Dana Pelaburan Pesertanya dan apa-apa pembahagian lebihan, jika ada, daripada Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Pesertanya seperti yang dinyatakan dalam penilaian terakhir oleh Syarikat.

Manfaat Matang akan dibayar kepada Penerima Waqaf.

## **18. TIMBANGTARA**

Pihak-Pihak berkenaan hendaklah berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan secara damai dengan melakukan perundingan tidak formal secara langsung bagi setiap perselisihan antara mereka berdasarkan atau berhubungkait dengan Sijil ini. Jika sekiranya Pihak-Pihak tersebut tidak dapat menyelesaikan perselisihan secara damai dalam masa tiga puluh (30) hari waktu bekerja dari tarikh perselisihan tersebut timbul, sama ada salah satu Pihak menghendaki agar perselisihan tersebut dirujuk untuk diselesaikan oleh pihak timbangtara, mengikut peruntukan Perintah Timbangtara, 2009. Pihak Tribunal timbangtara hendaklah terdiri daripada satu penimbangtara tunggal, orang tersebut hendaklah disepakati di antara Pihak-Pihak tersebut, atau jika gagal, akan dicalonkan sesuai dengan Perintah Timbangtara, 2009. Peraturan Timbangtara yang digunapakai adalah Peraturan Timbangtara UNCITRAL. Tempat duduk dan tempat timbangtara adalah Negara Brunei Darussalam, dan bahasa timbangtara adalah Bahasa Inggeris. Semua hak dan kewajipan Pihak-Pihak berkenaan di bawah Perjanjian ini akan terus berkuatkuasa sepenuhnya sehingga menunggu keputusan akhir dari timbangtara tersebut. Sebarang rujukan kepada timbangtara di bawah klausa ini akan menjadikannya satu penyerahan kepada timbangtara di dalam maksud Perintah Timbangtara, 2009 yang pada masa ini berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam.

## **19. APABILA BERLAKU PENIPUAN**

Jika mana-mana tuntutan, dalam mana-mana keadaan, didapati palsu atau berlaku penipuan atau cara penipuan atau alatan yang digunakan oleh Peserta atau Orang yang Dilindungi atau sesiapa juga yang melakukannya bagi pihak mereka untuk mengaut manfaat, maka perlindungan untuk Orang yang Dilindungi akan dibatalkan serta-merta dan kesemua manfaat dan sumbangan akan dirampas.

## **20. TAKAFUL SEMULA (INSURANS SEMULA)**

Syarikat boleh mengikut budibicaranya, mendapatkan perlindungan takaful semula (insurans semula) daripada mana-mana sumber yang difikirkan sesuai bagi kepentingan Peserta.

## Sijil Takaful Amal Jariah

---

### **BAHAGIAN 3: KELAYAKAN**

Pada tarikh kuatkuasa perlindungan, Orang yang Dilindungi hendaklah:

1. Orang Dewasa berumur Harijadi Akan Datang lapan belas (18) dan keatas dan Sijil hendaklah matang sebelum umur enam puluh lima (65) tahun;
2. Warganegara Brunei atau Pemastautin di Brunei Darussalam.

## **BAHAGIAN 4: PERLINDUNGAN**

### **1. PERLINDUNGAN ASAS: MANFAAT KEMATIAN**

- (i) Sekiranya Peserta meninggal dunia sebelum Tarikh Matang Sijil sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, Syarikat akan membayar kepada Penerima Waqaf, manfaat takaful sebagai berikut:-
  - (a) semua baki yang kena dibayar kepada Peserta yang telah meninggal dunia daripada Akaun Peserta/Dana Pelaburan Pesertanya sebelum tarikh kematiannya seperti yang dinyatakan dalam 11(i); dan
  - (b) baki ansuran caruman takaful bagi tempoh daripada tarikh kematiannya sehingga tarikh matang Sijil.
- (ii) Bayaran manfaat takaful daripada Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
  - (a) Bahawa keterangan dan butir-butir yang diberi dan diperakukan oleh Peserta dalam borang cadangan dan akaun adalah benar dan betul;
  - (b) Bahawa kematian Peserta bukanlah disebabkan atau akibat daripada pengecualian-pengecualian;
  - (c) Bahawa Peserta tidak membuat permohonan, bertulis atau apa-apa yang lain, bagi menyerahkan Sijil sebelum tarikh kematiannya;
  - (d) Bahawa pada tarikh kematiannya, bayaran semua caruman takaful yang kena dibayar olehnya telah dibayar dengan sempurna.

## **BAHAGIAN 5: PENGECUALIAN - PENGECUALIAN**

### **1. MANFAAT KEMATIAN**

Syarikat tidak akan membayar manfaat takaful jika kematian Peserta disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada:

- a. Keadaan- keadaan sedia ada sebagaimana ditakrifkan dan/atau sebagaimana dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil;
- b. Peperangan, pelanggaran, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi-operasi berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan tentera, kegemparan awam yang menyumbang kepada rusuhan tentera, kebangkitan, pemberontakan, rampasan kuasa atau apa sahaja tindakan atau orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat ke arah penggulingan secara kekerasan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan keganasan atau kekerasan;
- c. Mana-mana tindakan yang menyalahi undang-undang atau tindakan tersebut dilarang oleh undang-undang dan/atau Prinsip Syariah;
- d. Bunuh diri;
- e. Berada di bawah pengaruh arak, penyalahgunaan dadah, bahan-bahan yang mengkhayalkan; sama ada ianya ada atau tidak di dalam had yang ditetapkan di dalam undang-undang;
- f. Secara langsung atau tidak langsung dijangkiti penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau yang berkaitan dengannya.

**BAHAGIAN 6: TUNTUTAN****1. NOTIS TUNTUTAN**

Notis secara bertulis mengenai kejadian yang menjadi asas kepada tuntutan di bawah Sijil ini mesti dikemukakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian berkenaan.

**2. PEMERIKSAAN**

Syarikat mempunyai hak dan kesempatan melalui wakil perubatannya untuk memeriksa Orang yang Dilindungi bila dan seberapa kerap yang ia dapati munasabah semasa atau dalam tempoh proses tuntutan dibuat di bawah Sijil ini, dan bagi kes kematian, untuk menyiasat punca kematian tersebut.

**3. BUKTI TUNTUTAN**

Semua dokumen, maklumat, dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah dibuat atas perbelanjaan orang yang membuat tuntutan dan dalam bentuk dan sifat yang ditentukan oleh Syarikat.

**4. PEMBAYARAN TUNTUTAN**

Apa-apa pembayaran di bawah Sijil ini akan dibayar kepada Penerima Waqaf harus bertanggungjawab bagi apa-apa duti harta pusaka yang mungkin dikenakan ke atasnya. Apa-apa resit atau pelepasan yang diberikan oleh orang yang menuntut kepada Syarikat bagi mana-mana manfaat di bawah Sijil ini akan dianggap sebagai muktamad dan pelepasan sepenuhnya semua tanggungan Syarikat.

**5. PENIPUAN TUNTUTAN**

Jika tuntutan dalam hal apapun adalah penipuan atau jika ada isytiharan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika apa-apa cara penipuan atau helah digunakan oleh Peserta atau siapa-siapa sahaja yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan apa-apa manfaat di bawah Sijil ini, atau jika tuntutan disebabkan oleh tindakan sengaja atau dengan sepakatan Peserta, semua manfaat di bawah ini Sijil akan terbatal. Jika ada bayaran yang telah dibuat oleh Syarikat, maka Syarikat mempunyai hak untuk mendapat semula bayaran tersebut serta mengambil tindakan undang-undang terhadap Peserta.

**6. TINDAKAN UNDANG-UNDANG**

Tiada tindakan undang-undang atau yang sebanding boleh diambil untuk mendapatkan bayaran tuntutan sebelum tamatnya tempoh satu (1) tahun atau setelah luput dua (2) tahun daripada tarikh bermulanya kejadian.

## Sijil Takaful Amal Jariah

---

### **BUTIRAN PERHUBUNGAN TUNTUTAN**

Sila hubungi:

Jabatan Tuntutan,  
Unit 1 & 2 Kompleks Seri Kiulap,  
Kg.Kiulap, Gadong,  
Bandar Seri Begawan BE1318,  
Negara Brunei Darussalam

No. Telefon : +673 2231 100

**Naskhah Bahasa Inggeris adalah Sijil yang sah dan akan dirujuk sekiranya timbul apa-apa pertikaian daripada Sijil ini.**